



KENYATAAN MEDIA

MEDIA RELEASE

Aras 5-9, No. 47, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62100 Wilayah Persekutuan
Putrajaya
Tel: 03-8891 2682
Faks: 03-8888 2311
Laman Web: www.kemas.gov.my

No. Rujukan: KEMAS.100-9/1/3 (5)

Tarikh: 25 Jun 2024 / 18 Zulhijah 1445H

1,288 KAKITANGAN KEMAS TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) BAGI TAHUN 2023

KUALA LUMPUR, 25 Jun – Seramai 1,288 orang daripada 15,885 kakitangan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) seluruh negeri dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2023 di majlis yang diadakan secara berperingkat mengikut negeri pada tarikh yang telah ditetapkan.

Majlis hari ini merupakan satu penghargaan kepada 174 pegawai dan kakitangan KEMAS dari ibu pejabat, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Institut Latihan KEMAS Kuala Lumpur dan Pusat Latihan KEMAS Melaka KEMAS terdiri daripada 31 orang dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Tetap) dan 143 orang dari Kumpulan Pelaksana (Tetap dan Kontrak) menerima anugerah APC bagi tahun 2023.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, YB Datuk Hajah Rubiah Binti Wang hadir merasmikan majlis tersebut yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.

Asas penilaian pemilihan penerima APC berdasarkan markah prestasi, perakuan penyelia/ Ketua Jabatan, rekod perkhidmatan dan disiplin dan rekod penglibatan aktiviti komuniti/ sosial pegawai diluar bidang tugas.

APC adalah satu pengiktirafan kepada kakitangan KEMAS yang telah menunjukkan kualiti khidmat yang cemerlang dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan sentiasa mencapai taraf dan kualiti yang ditetapkan dan yang utama, memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan dan rakyat.

Penerima APC akan menerima Sijil Penghargaan dan Sijil Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) bernilai RM1000.00.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
KEMAS
25 Jun 2024